



DALAM NEGERI

ARKIB : 31/10/2001

Kurikulum Sejarah dipinda mulai 2003

Oleh: ROHANA MAN

GENTING HIGHLANDS 30 Okt. - Kurikulum mata pelajaran Sejarah peringkat menengah akan dipinda secara berperingkat mulai 2003, untuk menjadikannya lebih menarik dan tidak lagi menekankan aspek penghafalan fakta semata-mata.

Pindaan tersebut juga akan mengubah orientasi kurikulum Sejarah daripada berorientasikan isi kandungan kepada orientasi mendidik.

Kurikulum baru itu dijangka dapat digunakan sepenuhnya oleh semua pelajar sekolah menengah selewat-lewatnya pada 2008.

Menurut Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, perubahan kurikulum yang juga akan melibatkan perubahan kaedah pengajaran itu, akan dimulakan untuk mata pelajaran Sejarah tingkatan satu.

``Kementerian akan mengolah cara penyampaian mata pelajaran Sejarah di sekolah supaya menjadi lebih baik, lebih diterima dan diminati pelajar.

``Dengan cara itu, kementerian berharap semua pelajar yang mengambil mata pelajaran itu dapat menghayati bidang Sejarah dengan lebih nyata," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Nasional Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan Ke-10 di sini hari ini.

Seminar anjuran Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Utusan Melayu (M) Berhad itu diadakan selama tiga hari mulai hari ini.

Kira-kira 200 peserta terdiri daripada pemimpin dan pengurus pendidikan seperti pengetua dan guru besar hadir pada seminar itu.

Mengulas lanjut Musa berkata, tinjauan yang dilakukan oleh kementerian pada masa ini mendapati, ramai pelajar tidak cenderung kepada mata pelajaran Sejarah.

Jelasnya, antara punca pelajar tidak meminatinya ialah kerana mereka perlu menghafal fakta.

Katanya lagi, mata pelajaran itu juga sering diajar menggunakan pendekatan yang terlalu rumit sehingga penumpuan kepada aspek mendidik diabaikan.

``Kita terlalu berorientasikan isi kandungan dan bukannya berorientasikan mendidik," katanya.

Sejarah adalah mata pelajaran yang wajib diambil oleh semua pelajar sama ada di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Di peringkat SPM, Sejarah adalah antara lima mata pelajaran teras bagi pelajar beraliran Sastera.

Sementara itu ketika berucap pada majlis itu, Musa berkata, hanya 65 peratus pelajar lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Jelasnya lagi, matlamat untuk meningkatkan semangat patriotisme di kalangan pelajar tidak akan dicapai jika tidak ramai pelajar meminati mata pelajaran itu.

Katanya lagi, ia tentu menyukarkan hasrat kementerian untuk menanam semangat patriotisme di kalangan pelajar terutama di kalangan pelajar yang tidak suka akademik.

``Jadi kita mengambil langkah ini iaitu menggubal semula kurikulum mata pelajaran Sejarah dengan matlamat yang telah ditetapkan itu," katanya lagi.

Pada satu perkembangan lain, beliau berpuas hati dengan kualiti pemimpin dan pengurus pendidikan negara.

Namun katanya, sebilangan kecil di kalangan mereka perlu diberi perhatian supaya mereka lebih teliti dan peka kepada isu masa kini.

``Perhatian itu perlu diberi supaya mereka dapat mencapai hasil yang baik khususnya untuk membangunkan pendidikan yang bermutu tinggi," katanya.

Turut hadir pada majlis perasmian itu ialah Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Datuk Ambrin Buang dan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Khalid Mohd.

Artikel Penuh:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=1031&pub=utusan_malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_04.htm#ixzz2vo7jrrah

© Utusan Melayu (M) Bhd